

BIL 2 2024



# BULETIN JSG

JABATAN SAINS GUNAAN  
UITM CAWANGAN PULAU PINANG





# ISI KANDUNGAN

Dari Meja Koordinator

01

## Akademik

3 rd ICoSeMT & 2 nd INoDEx 2023

02

Kunjungan Dekan FSG

05

Bengkel Kurikulum Program Baru

06

Inovasi Keusahawanan

07

Road to SPM: SMKTAT

12

## Stem

Karnival Kimia Malaysia

13

Sains ke Desa

14

Explorace PHY145

16

Karnival STEM Pulau Pinang

18

Bridge Challenge

20

STEAM Challenge

22

## Aktiviti

Fotografi Merdeka

24

Gotong-royong 5S JSG

26

Free Market 6.0

28

## Riadah

Ping Pong Piala TRHEA

29

Ping Pong Bersama Perodua

30

Santai-santai Petanque

31

# FREEMARKET 6.0

Siti Azlina Rosli

Program FREE MARKET 6.0 pada kali ini adalah kesinambungan daripada FREE MARKET 5.0 (RAMADHAN RAYA 2023) yang telah diadakan pada bulan April lepas. Dijemput lagi untuk kali ketiga pada tahun ini, Jabatan Sains Gunaan (JSG) tidak melepaskan peluang untuk turut serta memeriahkan suasana program tersebut setelah dijemput oleh pihak Akademi Pembangunan PKS dan Keusahawanan Malaysia (MASMED) UiTM Cawangan Pulau Pinang. Sama seperti program FREE MARKET 5.0, program pada kali ini juga diadakan pada awal semester iaitu pada minggu ketiga semester Oktober 2023 – Februari 2024 bagi menyambut kedatangan semua pelajar baharu dan pelajar lama yang telah mendaftar masuk ke UiTM Cawangan Pulau Pinang. Masih berkonsepkan pemberian barangan terpakai atau barangan baharu secara PERCUMA kepada golongan asnaf, B40 dan warga UiTM Cawangan Pulau Pinang yang berminat, tema untuk program pada kali ini adalah “vibrants color”.

📅 Tarikh: 19 & 20 Oktober 2023 (Khamis & Jumaat)

📍 Tempat: Laman Perdana

